



UNTUK SIARAN SEGERA

Laporan Tahunan **AirAsia X** Raih Anugerah Terbaik Malaysia

SEPANG, 19 Oktober 2017 – Laporan Tahunan AirAsia X Berhad 2016 menang kategori Terbaik Malaysia di Anugerah Pertandingan Laporan Tahunan Antarabangsa (ARC) ke-31.

Anugerah ARC adalah pertandingan antarabangsa laporan tahunan terbesar dunia untuk mengiktiraf kecemerlangan keseluruhan laporan tahunan and menggalakkan penulisan penting dan bermakna serta aspek reka bentuk asli dan imaginatif.

Tahun ini, Anugerah ARC menerima hampir 2,000 penyertaan daripada kira-kira 30 buah negara.

Pasukan perhubungan pelabur AirAsia X yang diketuai oleh **Hanif Idrose Mohamed** menerima anugerah terbabit bagi pihak AirAsia X di Majlis Makan Malam Anugerah Tertinggi ARC pada 12 Oktober 2017 di Hotel Ritz Carlton di Tokyo, Jepun.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia X Datuk Kamarudin Meranun berkata, "Terima kasih ARC kerana mengurniakan anugerah berprestij ini kepada kami. Anugerah ini signifikan kepada kami kerana laporan tahunan adalah dokumen yang amat penting bagi kami untuk berkomunikasi dengan para pelabur berkenaan apa yang telah kami lakukan pada tahun terdahulu dan menyampaikan data dengan jelas, tepat dan telus. Kami akan terus berhubung dengan pelabur kami dan mengekalkan komunikasi efektif dengan mereka. Saya bangga dengan pasukan perhubungan pelabur dan juga semua warga AllStars (staf) kerana komitmen mereka, sejajar dengan semangat One AirAsia dalam menerbitkan laporan terbaik untuk tahun 2016."

Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia X Benyamin Ismail berkata, "Pertama sekali, tahniah kepada pasukan perhubungan pelabur kerana kemenangan ini. Saya bangga dengan usaha yang hebat mereka tonjolkan dalam menghasilkan penyampaian data dengan cara yang menarik dan bukan konvensional untuk pelabur kami melalui penerbitan laporan ini. Pasukan ini mengeluarkan idea bernas dalam penghasilan laporan tahunan yang unik ini. Sebagai contoh, muka depan yang memaparkan tiga orang kanak-kanak - seorang kanak-kanak lelaki memakai pakaian seragam juruterbang, seorang kanak-kanak perempuan memakai pakaian seragam krew kabin dan seorang lagi kanak-kanak lelaki memakai pakaian biasa dengan pas masuk pesawat seperti seorang penumpang – secara tepat merumuskan konsep tentang bagaimana berkuasanya sesebuah impian. Pengurniaan anugerah ini adalah satu pengiktirafan kepada AirAsia X sebagai sebuah syarikat penerbangan yang menggalakkan AllStars mengatasi segala batasan dan cabaran konvensyen untuk menukarkan idea bernas dan minat mereka kepada realiti dan bekerja bersama-sama sebagai satu pasukan untuk mencatat pencapaian lebih tinggi."

Memenangi anugerah ARC yang, diwujudkan oleh MerComm Inc pada 1987, adalah diidamkan kerana pengadilannya yang saksama oleh wakil pelbagai organisasi di peringkat global.

Pada Ogos tahun ini, Laporan Tahunan AirAsia X 2016 merangkul dua anugerah emas bagi kategori pertandingan tersebut - Laporan Tahunan Bukan Tradisional Terbaik (Penerbangan) dan Produksi dan Penerbitan (Penerbangan). Ia juga memenangi anugerah perak bagi kategori Foto Muka/Rekabentuk (Penerbangan). Ikuti perkembangan mengenai aktiviti dan promosi AirAsia melalui Twitter (twitter.com/AirAsia) dan Facebook (facebook.com/AirAsia).

****TAMAT****

SIARAN AKHBAR



Mengenai Kumpulan AirAsia X

AirAsia X adalah syarikat penerbangan tambang rendah jarak jauh bagi Kumpulan AirAsia yang kini terbang ke 24 destinasi di seluruh Asia, Australia, New Zealand, Timur Tengah dan Amerika. AirAsia X beroperasi dengan 30 pesawat A330-300s, setiap satu dengan 12 Premium Flatbeds dan 365 tempat duduk ekonomi. Syarikat penerbangan ini telah membawa lebih 27 juta tetamu sejak penubuhan perkhidmatan penerbangan jarak jauh yang telah dimulakan pada tahun 2007. AirAsia X telah diiktirafkan dengan anugerah "Kabin Premium Syarikat Penerbangan Tambang Rendah Terbaik Dunia" dan "Tempat Duduk Premium Syarikat Penerbangan Tambang Rendah Terbaik Dunia" di acara tahunan Anugerah Dunia Penerbangan Skytrax bagi lima tahun berturut-turut dari tahun 2013 – 2017.

Mengenai Laporan Tahunan AirAsia X

Bertemakan "Realising Dreams" (Merealisasikan Impian), reka bentuk kreatif Laporan Tahunan AirAsia X memberi gambaran yang berkekalan tentang kisah jenama syarikat penerbangan ini.

Ia menampilkan muka depan yang sukar dilupakan dengan tiga orang kanak-kanak comel – seorang kanak-kanak lelaki memakai pakaian seragam juruterbang, seorang kanak-kanak perempuan memakai pakaian seragam krew kabin dan seorang lagi kanak-kanak lelaki memakai pakaian biasa dengan pas masuk pesawat seperti seorang penumpang, dimana konsep muka depan Laporan Tahunan ini bertujuan untuk memberi inspirasi kepada kanak-kanak untuk berusaha merealisasikan impian mereka.

Laporan tahunan ini juga mempunyai muka surat khusus dimana Datuk Kamarudin, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia Tan Sri Dr Tony Fernandes dan Benyamin memberi penghormatan kepada Ketua Pegawai Operasi AirAsia iaitu Allahyarham Anaz Ahmad Tajuddin, yang telah meninggal dunia pada 13 Januari 2017 disebabkan kanser. Terdapat juga satu muka surat istimewa yang memaparkan nota daripada Datuk Kamarudin, Tan Sri Tony dan Benyamin, berterima kasih dan menyifatkan kakitangan sebagai penyumbang utama didalam merealisasikan kejayaan syarikat untuk kembali ke prestasi yang lebih tinggi. Konsep keseluruhan dengan persembahan yang tersendiri, reka bentuk dan susun atur menarik yang dipaparkan oleh laporan tahunan ini adalah bertujuan menggambarkan semangat dan visi AirAsia X untuk terus menjadi syarikat penerbangan pilihan Asia.

CD Corporate Reports Sdn Bhd adalah agensi kreatif yang berpangkalan di Malaysia telah dilantik oleh AirAsia X bagi penerbitan dan pelaksanaan hasil kerja kreatif bagi laporan tahunan 2016.

Laporan tahunan AirAsia X boleh diperolehi dan dimuat turun di <http://airasiax.listedcompany.com/misc/ar/ar2016.pdf>.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Izatun Hanim Shari

Komunikasi

AirAsia X

Tel. Bimbit: +601111118028

izatunhanim@airasia.com

Shahinaz Mohd Tahir

Komunikasi

Tel. Bimbit: +60176886348

shahinazmohdtahir@airasia.com